


ENAKMEN
MAJLIS HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH 1998

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Majlis.
4. Tujuan dan fungsi Majlis.
5. Kuasa-kuasa Majlis.
6. Ahli-ahli Majlis.
7. Mesyuarat Majlis.
8. Perlantikan Setiausaha.
9. Pentadbiran Majlis.
10. Kuasa melantik jawatankuasa.
11. Kumpulan Wang Pusat.
12. Kuasa meminjam.
13. Anggaran perbelanjaan.
14. Akaun dan audit.
15. Laporan tahunan.
16. Kerahsiaan dan penalti.
17. Kanun Keseksaan.
18. Majlis menentukan prosedur.
19. Kekosongan tidak mentaksahkan tindakan dsb.
20. Pendedahan kepentingan.
21. Penyempurnaan dokumen-dokumen.
22. Pemindahan harta, liabiliti dsb.
23. Kaedah-kaedah.
24. Penguatkuasaan Enakmen Badan-Badan Berkanun
(Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997



NEGERI SABAH

Saya memperkenalkan.



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI SAKARAN BIN DANDAI,
Yang di-Pertua Negeri.

29 DISEMBER, 1998.

No. 13 Tahun 1998

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dan bagi perkara-perkara berhubung dan bersampingan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah 1998 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas dan
mula
berkuat-
kuasa.

Tafsiran.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan konteks menghendaki makna yang lain—

"adat" ertinya adat anak negeri atau kumpulan adat anak negeri yang mana kuatkuasa sah belum diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan hendaklah disifatkan termasuk tradisi dan kebudayaan anak negeri;

"ahli" termasuklah Presiden;

Bab 64.

"anak negeri" ertinya mana-mana anak negeri sebagaimana dirakrifkan di dalam Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri);

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 10;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pusat ditubuhkan di bawah seksyen 11;

"Majlis" ertinya Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri bertanggungjawab bagi perkara berhubung dengan hal ehwal anak negeri;

"Presiden" ertinya Presiden Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis dilantik di bawah seksyen 8;

"sistem undang-undang diri anak negeri" ertinya undang-undang adat terpakai kepada mana-mana komuniti selaku komuniti yang membentuk keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana komuniti anak negeri;

"Unit" ertinya Unit Hal Ehwal Bumiputera di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Penubuhan
Majlis.

3. (1) Hendaklah ditubuhkan suatu Majlis dipanggil "Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah" yang adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan melaksanakan apa-apa tindakan dan perkara sebagaimana suatu pertubuhan perbadanan boleh menurut undang-undang melakukan dan sebagaimana perlu bagi, atau bersampingan dengannya, menjalankan tujuan-tujuannya di bawah Enakmen ini.

(2) Majlis hendaklah mempunyai meterai biasa dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan diperbuat baru sebagaimana Majlis sifatkan sesuai.

(3) Majlis hendaklah disifatkan sebagai seorang anak negeri untuk maksud mana-mana undang-undang bertulis.

4. (1) Tujuan Majlis ialah—

Tujuan dan
fungsi
Majlis.

- (a) pada amnya untuk menasihatkan Kerajaan Negeri mengenai semua perkara berhubung dengan sistem undang-undang diri anak negeri dan adat di Sabah;
- (b) untuk memeriksa berbagai adat anak negeri dan membuat syor bagi pemakaian dan penguatkuasaannya;
- (c) untuk mengkaji semula dari semasa ke semasa undang-undang adat anak negeri dan membuat syor bagi pindaannya;
- (d) untuk berusaha ke arah pemansuhan adat tidak produktif yang memudaratkan kemajuan Negeri;
- (e) untuk menerangkan atau menjelaskan bentuk-bentuk adat berbeza anak negeri; dan
- (f) untuk menjadi sebagai suatu pusat bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat mengenai adat anak negeri.

(2) Majlis dalam menjalankan tujuannya hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat semua perkara suaimanfaat atau semunasabah yang perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas—

- (a) untuk menjalankan kajian dan penyelidikan permulaan ke atas adat anak negeri dan membuat syor kepada Kerajaan Negeri tentang keperluan untuk menyeragamkan dan menyusun adat itu;
- (b) untuk menjalankan kajian dan penyelidikan tentang apa-apa perkara berkaitan dengan undang-undang adat dan adat anak negeri sebagaimana Majlis fikirkan sesuai;

- (c) untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan tentang undang-undang adat dan adat anak negeri;
- (d) untuk menyediakan kemudahan bagi penyelidikan dan rujukan;
- (e) untuk bekerjasama dengan atau untuk memberi bantuan kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang menjalankan penyelidikan atau kajian tentang undang-undang adat dan adat anak negeri;
- (f) untuk menggalakkan dan menjalankan program-program bagi kajian dan penyelidikan tentang undang-undang adat dan adat anak negeri;
- (g) untuk menjalin hubungan dengan badan-badan lain, awam dan persendirian kedua-duanya, yang terlibat dalam kajian dan penyelidikan tentang undang-undang adat dan adat anak negeri;
- (h) untuk mendengar dan menyelesaikan konflik dan pertikaian tentang perkara-perkara berkaitan dengan undang-undang adat dan adat anak negeri;
- (i) untuk memberikan panduan dalam tafsiran undang-undang adat dan adat anak negeri; dan
- (j) untuk melakukan semua tindakan yang mana Menteri menganggap wajar atau suaimanfaat.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) atau (2), adalah juga menjadi fungsi Majlis untuk menasihatkan mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada atas usulnya sendiri atau apabila dirujuk kepadanya oleh orang atau kumpulan orang tersebut, tentang perkara-perkara berkaitan dengan undang-undang adat dan adat anak negeri, dan hendaklah di dalam semua perkara tersebut menjadi autoriti di dalam Negeri.

(4) Majlis hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan-arahan tentang apa-apa aspek fungsi Majlis dan arahan tersebut adalah mengikat Majlis.

5. (1) Bagi maksud menjalankan mana-mana tujuan dan fungsi yang dinyatakan dalam seksyen 4, Majlis boleh—

Kuasa-kuasa
Majlis

- (a) memperolehi atau menerima pajakan, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa tanah, bangunan, mesuaj atau tenemen daripada apa sekalipun jenis;
- (b) melabur wang atas deposit dalam mana-mana bank atau menggadaijanji apa-apa tanah, bangunan, mesuaj atau tenemen dalam Negeri atau mana-mana bahagian di Malaysia atau dalam atau atas gadaijanji, debentur, stok, wang, syer atau sekuriti atau apa-apa perbadanan atau syarikat yang menjalankan perniagaan di dalam Negeri atau di tempat lain;
- (c) membeli dan memperolehi semua bentuk apa jua barang dan harta benda;
- (d) memberi, menjual, memindah, menyerahkan, menyerahkan balik, memulang, menggadaijanji, mendemis, menyerahkan semula, memindahmilik atau sebaliknya melepaskan apa-apa tanah, bangunan, mesuaj dan tenemen, gadaijanji, debentur, stok, wang dan sekuriti, barang-barang dan harta benda bagi memajukan tujuan Majlis;
- (e) menerima pemberian Kerajaan, derma atau menerima apa-apa pemberian harta, sama ada tertakluk kepada apa-apa amanah khas atau tidak;
- (f) mengambil apa-apa langkah secara peribadi atau rayuan bertulis, perjumpaan umum, atau secara lain, sebagaimana dari semasa ke semasa disifatkan bermanfaat, bagi maksud memperolehi sumbangan kepada Kumpulan Wang;
- (g) membuat apa-apa kontrak atau melakukan dan menyempurnakan apa-apa amanah; dan
- (h) secara am membuat apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai olehnya bagi maksud untuk mencapai mana-mana tujuan Majlis.

(2) Majlis boleh secara bertulis tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana ia boleh dikenakan, mewakili perjalanan

apa-apa kuasanya atau pelaksanaan apa-apa fungsinya di bawah Enakmen ini kepada Presiden, Setiausaha atau mana-mana orang lain sebagaimana yang Majlis fikirkan sesuai: Dengan syarat bahawa tiada perwakilan tersebut boleh menghalang Majlis secara sendiri dari menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa fungsi yang diwakilkan.

Ahli-ahli
Majlis.

6. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) Presiden;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya yang diberikuasa;
- (c) Peguam Besar Negeri atau wakilnya yang diberikuasa;
- (d) Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan atau wakilnya yang diberikuasa;
- (e) Setiausaha; dan
- (f) tidak lebih daripada enam ahli lain yang hendaklah mempunyai pengetahuan khusus tentang undang-undang adat dan adat anak negeri Sabah.

(2) Ahli-ahli Majlis dirujuk dalam subseksyen (1) kecuali ahli-ahli *ex-officio* dirujuk di dalam perenggan (b), (c), (d) dan (e) hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri selama tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

(3) Jika berlaku sesuatu kekosongan luar jangka dalam Majlis, Yang di-Pertua Negeri boleh melantik seorang ahli untuk mengisi kekosongan itu.

(4) Perlantikan mana-mana ahli Majlis selain daripada ahli-ahli *ex-officio* boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertua Negeri pada bila-bila masa tanpa memberi kepadanya hak untuk didengar.

(5) Perlantikan mana-mana ahli Majlis hendaklah terhenti—

- (a) apabila dia mati; atau
- (b) jika dia meletakkan jawatan dengan notis bertulis dialamatkan kepada Yang di-Pertua Negeri; atau
- (c) jika dia dihukum bankrap; atau

- (d) jika dia gagal untuk menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Presiden dan Majlis telah meluluskan resolusi mengisytiharkan keahliannya kosong.

(6) Presiden dan ahli-ahli Majlis lain boleh dibayar apa-apa elaun dari Kumpulan Wang dan menikmati apa-apa faedah dan keistimewaan sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Majlis dengan kelulusan Kabinet.

7. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan atau lebih kerap lagi sebagaimana yang difikirkan perlu. Mesyuarat
Majlis.

(2) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis bertulis hendaklah diberi kepada ahli-ahli.

(3) Sekurang-kurangnya separuh daripada ahli Majlis yang hadir dan yang berhak mengundi dalam mesyuarat itu adalah membentuk kuorum.

(4) Tertakluk kepada seksyen 8(2), tiap-tiap seorang ahli Majlis yang hadir adalah berhak kepada satu undi.

(5) Presiden hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis. Jika Presiden tidak hadir, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang di antara mereka untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu.

(6) Keputusan Majlis hendaklah dibuat dengan undian majoriti ahli-ahli yang hadir dan mengundi dan, jika sekiranya bilangan undi sama banyaknya, Pengerusi mesyuarat adalah berhak memberi undi kedua atau undi pemutus.

8. (1) Majlis dengan kelulusan Menteri boleh melantik seorang yang berkelayakan sesuai yang adalah seorang anak negeri untuk menjadi Setiausaha Majlis dengan terma-terma dan syarat-syarat (termasuk saraan) sebagaimana boleh diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Perlantikan
Setiausaha.

(2) Setiausaha adalah menjadi ahli *ex-officio* Majlis dan hendaklah bertindak sebagai setiausaha pada semua mesyuaratnya tetapi tidak boleh mengundi pada mesyuarat tersebut.

Pentadbiran
Majlis.

9. (1) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Majlis dan untuk menjalankan apa-apa tugas dan melaksanakan apa-apa kuasa sebagaimana diamanahkan atau diwakilkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh dengan kelulusan Kerajaan Negeri melantik pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat lain sebagaimana yang difikirkan perlu bagi menjalankan hal ehwal Majlis dengan cekap.

(3) Setiausaha, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis lain hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis.

(4) Pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis hendaklah memegang jawatan selama tempoh atau tempoh-tempoh, menerima gaji dan elaun, menikmati apa-apa keistimewaan, layak bagi apa-apa faedah dan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dengan kelulusan Kerajaan Negeri.

Kuasa
melantik
jawatan-
kuasa.

10. (1) Majlis boleh, bagi maksud am atau khusus, melantik jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana difikirkan perlu.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh terdiri daripada bilangan orang sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dan boleh terdiri daripada orang-orang yang bukan ahli Majlis.

(3) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya yang boleh pada pendapatnya menyumbang kepada pertimbangannya tetapi orang tersebut tidak ada hak untuk mengundi dalam mesyuarat.

(4) Kuorum bagi mesyuarat jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada separuh bilangan ahli-ahlinya dan keputusan hendaklah dibuat dengan undian majoriti ahli yang hadir dan mengundi dan, jika sekiranya bilangan undi sama banyaknya, orang yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(5) Majlis boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia prosedur jawatankuasa-jawatankuasa.

Kumpulan
Wang Pusat.

11. (1) Bagi maksud Enakmen ini, adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulan Wang Pusat yang akan ditadbir dan dikawal oleh Majlis—

(a) yang ke dalamnya hendaklah dimasukkan—

- (i) wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Undangan;
- (ii) apa-apa pemberian sebagaimana boleh diterima dari Kerajaan Negeri atau Persekutuan;
- (iii) semua wang yang diperolehi daripada perjalanan apa-apa projek, skim atau enterpris yang dibiayai oleh Kumpulan Wang;
- (iv) wang yang dipinjam dari semasa ke semasa oleh Majlis atas terma-terma dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud menampung apa-apa tanggungjawabnya atau melaksanakan apa-apa kewajipannya;
- (v) semua wang yang diperolehi atau yang terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Majlis; dan
- (vi) semua pemberian, sumbangan, derma dan bekues daripada individu, syarikat, yayasan dan sumber-sumber yang lain;

(b) yang darinya hendaklah dibayar—

- (i) wang untuk pemajuan tujuan dan maksud am Majlis;
- (ii) semua perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (iii) wang bagi membayar balik apa-apa pinjaman yang telah diberi kepada Majlis menurut kuasanya untuk meminjam.

(2) Tidak ada bahagian Kumpulan Wang boleh dibayar atau dipindahmilikkan secara langsung atau tak langsung dengan cara dividen, bonus atau secara lainnya dengan cara keuntungan apapun kepada mana-mana orang.

12. Majlis boleh, atas syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam jumlah wang sebagaimana ia dikehendaki untuk menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Enakmen ini.

Kuasa
meminjam.

Anggaran
perbelanjaan.

13. (1) Majlis hendaklah sebelum bermula setiap tahun kewangan menyebabkan untuk disediakan dan diterimapakai anggaran perbelanjaan untuk tahun kewangan berikutnya dan perbelanjaan itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Segala wang Majlis hendaklah didepositkan dalam bank yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Semua cek yang dikeluarkan atas akaun Majlis hendaklah ditandatangani oleh mana-mana ahli atau ahli-ahli Majlis dan pegawai atau pegawai-pegawai lain sebagaimana diluluskan oleh Majlis.

(4) Tahun kewangan bagi Majlis ialah 1hb Januari hingga 31hb Disember.

Akaun dan
audit.

14. (1) Majlis hendaklah menyimpan dengan sepatutnya semua akaun dan rekod lain berkenaan dengan operasinya. dan hendaklah menyediakan penyata akaun bagi tiap-tiap tahun kewangan.

(2) Akaun Majlis hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau wakilnya yang diberikuasa.

(3) Akaun Majlis hendaklah diaudit dalam tempoh tujuh bulan dari akhir setiap satu tahun kewangan dan dalam tempoh itu Majlis hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri untuk dihantar kepadanya bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau wakilnya yang diberikuasa.

Laporan
tahunan.

15. Majlis hendaklah, tidak lewat daripada 30hb Jun tiap-tiap tahun, menyebabkan untuk dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan Majlis dalam masa tahun yang lalu dan mengandungi maklumat berhubung dengan prosiding dan dasar Majlis.

Kerahsiaan
dan penalti.

16. (1) Kecuali bagi maksud Enakmen ini atau maksud apa-apa prosiding jenayah, tiada seorangpun ahli Majlis dan mana-mana jawatankuasanya, dan tiada pegawai atau penjawat Majlis boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan mana-mana urusan setiap individu, yang telah didapati olehnya semasa menjalankan tugas-tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut Enakmen ini.

(2) Mana-mana ahli yang dengan disedarinya melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan atas sabitan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

17. Semua ahli Majlis dan mana-mana jawatankuasanya dan mana-mana pegawai atau penjawat Majlis hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam ertikata Kanun Keseksaan.

Kanun
Keseksaan

Akta 574.

18. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Majlis boleh menentukan prosedurnya sendiri.

Majlis
menentukan
prosedur.

19. (1) Tiada tindakan atau prosiding Majlis atau mana-mana jawatankuasanya boleh dipersoalkan disebabkan oleh kekosongan di kalangan ahli-ahli, apa-apa kekurangan dalam perlantikan mereka atau dalam kelayakan mereka.

Kekosongan
tidak
mentaksahkan
tindakan
dsb.

(2) Melainkan dibuktikan sebaliknya, tiap-tiap mesyuarat Majlis, atau mana-mana jawatankuasanya hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan sewajarnya dan semua ahli yang hadir hendaklah disifatkan telah dilantik sewajarnya dan adalah layak dilantik.

20. Jika seseorang ahli Majlis atau mana-mana jawatankuasanya adalah secara langsung atau tak langsung berkepentingan dalam mana-mana kontrak, kontrak yang dicadangkan, atau perkara lain dan hadir di mesyuarat Majlis atau mana-mana jawatankuasanya, di mana kontrak atau perkara lain itu adalah subjek pertimbangan, ahli tersebut hendaklah, di mesyuarat itu atau seberapa segera yang boleh dipraktikkan selepas permulaan mesyuarat itu, mendedahkan fakta itu, dan hendaklah selepas itu tidak hadir semasa pertimbangan atau perbincangan itu dan hendaklah tidak mengundi atas apa-apa persoalan berkenaan dengan kontrak atau perkara lain itu.

Pendedahan
kepentingan.

21. Semua suratikatan, dokumen atau suratcara lain yang menghendaki meterai Majlis hendaklah dimeterai dalam kehadiran dan disahkan oleh Presiden dan Setiausaha atau mana-mana orang lain sebagaimana boleh dilantik oleh Majlis dari semasa ke semasa dan pengesahan tersebut adalah bukti yang cukup bahawa meterai itu telah dibubuh dengan wajar dan patut dan meterai itu adalah meterai sah Majlis.

Penyempurnaan
dokumen-
dokumen.

Pemindahan
harta,
liabiliti, dsb.

22. Apabila Enakmen ini mula berkuatkuasa—

- (a) semua aset dan harta alih dan takalih tiap-tiap deskripsi dan semua kuasa, hak dan keistimewaan berhubung dengannya atau berkaitan dengannya yang sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini telah terletak kepada Unit hendaklah diletakkan kepada Majlis;
- (b) semua liabiliti dan tanggungjawab Unit yang mungkin wujud sebaik sahaja sebelum daripada tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini hendaklah dipindahkan kepada dan diletakkan kepada Majlis; dan
- (c) tiap-tiap pegawai Unit hendaklah dipindahkan untuk memegang perantikan yang sama dalam Majlis, tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang dibuat kemudiannya.

Kaedah-
kaedah.

23. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara am bagi perjalanan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Penguat-
kuasaan
Enakmen
Badan-
Badan
Berkonun
(Peruntukan-
Peruntukan
Tambahan)
1997
Enakmen
No.9 tahun
1997.

24. Enakmen Badan-Badan Berkonun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997 adalah mengikat Majlis.

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada hari Selasa, 17 November, 1998.

DATUK FRANCIS T.N. YAP,
Timbalan Speaker,
Dewan Undangan Negeri.

MAJLIS HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH ENACTMENT 1998

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.
3. Establishment of Council.
4. Objects and functions of the Council.
5. Powers of the Council.
6. Members of the Council.
7. Meetings of the Council.
8. Appointment of Secretary.
9. Administration of the Council.
10. Power to appoint committees.
11. Central Fund.
12. Borrowing powers.
13. Estimate of expenditure.
14. Account and audit.
15. Annual report.
16. Secrecy and penalty.
17. Penal Code.
18. Council to determine procedure.
19. Vacancy not to invalidate acts etc.
20. Disclosure of interest.
21. Execution of documents.
22. Transfer of property, liabilities, etc.
23. Rules.
24. Binding effect of Statutory Bodies (Supplementary Provisions) Enactment 1997.



STATE OF SABAH

I assent,



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI SAKARAN BIN DANDAI,
Yang di-Pertua Negeri.

29TH DECEMBER, 1998.

No. 13 of 1998

An Enactment to provide for the establishment of the Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah and for matters connected therewith and incidental thereto.

ENACTED by the Legislature of the State of Sabah as follows:

1. This Enactment may be cited as the Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah Enactment 1998 and shall come into force on such date as the Minister may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Short title
and
commence-
ment.

Interpreta-
tion.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

"*adat*" means a native custom or body of native customs to which lawful effect has not been given thereto under any written law and shall be deemed to include the tradition and culture of the natives;

"committee" means a committee appointed under section 10;

"Council" means the Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah established under section 3;

"Fund" means the Central Fund established under section 11;

"member" includes the President;

"Minister" means the Minister charged with responsibility for matters relating to native affairs;

Cap. 64.

"native" means any native as defined in the Interpretation (Definition of Native) Ordinance;

"native system of personal law" means the customary law applying to any community being a community forming the whole or part of any native community;

"President" means the President of the Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah;

"Secretary" means the Secretary of the Council appointed under section 8;

"Unit" means the Unit of Native Affairs in the Ministry of Local Government and Housing.

Establish-
ment of
Council.

3. (1) There shall be established a council called "The Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah" which shall be a body corporate with perpetual succession and may sue and be sued in its corporate name and perform such acts and things as a body corporate may do by law and as are necessary for, or incidental to, the carrying out of its objects under this Enactment.

(2) The Council shall have a common seal and such seal may from time to time be broken, changed, altered and made anew as the Council deems fit.

(3) The Council shall be deemed to be a native for the purpose of any written law.

4. (1) The objects of the Council shall be—

- (a) generally to advise the State Government on all matters pertaining to the native system of personal law and *adat* in Sabah;
- (b) to examine the various *adat* of the natives and make recommendations for their application and enforcement;
- (c) to review from time to time the customary laws of the natives and make recommendations for their amendments;
- (d) to work towards the abolition of non-productive *adat* which is detrimental to the progress of the State;
- (e) to explain or elucidate the different forms of *adat* of the natives; and
- (f) to serve as a centre for the collection and dissemination of information and advice on the *adat* of the natives.

(2) The Council in carrying out its objects shall have power to do all things expedient or reasonably necessary or incidental to the discharge of its functions, and in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing —

- (a) to initiate preliminary studies and research into the various *adat* of the natives and make recommendations to the State Government on the need to standardize and codify the *adat*;
- (b) to conduct study and research on such matters relating to the customary laws and *adat* of the natives as the Council may think fit;
- (c) to control and co-ordinate all activities relating to research on customary laws and *adat* of the natives;
- (d) to provide facilities for research and reference;
- (e) to co-operate with or to give assistance to any person or body of persons undertaking research or study on the customary laws and *adat* of the natives;
- (f) to promote and to carry out programmes for study and research on the customary laws and *adat* of the natives;
- (g) to maintain relationship with other bodies, both public and private, which are engaged in the study and research concerning the customary laws and *adat* of the natives;
- (h) to hear and resolve conflicts and disputes on matters relating to the customary laws and *adat* of the natives;

- (i) to furnish guidance in the interpretation of the customary laws and *adat* of the natives; and
- (j) to do all acts which the Minister considers desirable or expedient.

(3) Without prejudice to subsection (1) or (2), it shall also be the function of the Council to advise any person or body of persons, either on its own motion or on being referred to it by such person or body of persons, on matters relating to the customary laws and *adat* of the natives, and shall in all such matters be the authority in the State.

(4) The Council shall be responsible to the Minister and the Minister may, from time to time, issue directives on any aspect of the functions of the Council and such directives shall be binding on the Council.

Powers of
the Council.

5. (1) For the purpose of carrying out any of the objects and functions set out in section 4, the Council may—

- (a) acquire or accept leases, purchase, take, hold and enjoy any land, building, messuage or tenement of whatsoever nature or kind;
- (b) invest moneys on deposit in any bank or on mortgage of any land, building, messuage or tenement in the State or any part of Malaysia or in or upon mortgages, debentures, stocks, funds, shares or securities or any corporation or company carrying on business in the State or elsewhere;
- (c) purchase and acquire all manners of goods and chattels whatsoever;
- (d) grant, sell, convey, assign, surrender, yield up, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of any land, building, messuage and tenement, mortgage, debenture, stock, fund and security, goods and chattels for the furtherance of the objects of the Council;
- (e) receive Government grants, donations or accept any gift of property, whether subject to any special trust or not;
- (f) take such steps by personal or written appeals, public meetings, or otherwise, as may from time to time be deemed expedient, for the purpose of procuring contributions to the Fund;

- (g) enter into any contract or undertake and execute any trust; and
- (h) generally do such acts as it thinks fit for the purpose of achieving any of the objects of the Council.

(2) The Council may by writing, subject to such conditions or restrictions as it may impose, delegate the exercise of any of its powers or the performance of any of its functions under this Enactment to the President, Secretary or any other person as the Council may think fit: Provided that no such delegation shall preclude the Council itself from exercising any of the powers or performing any of the functions so delegated.

6. (1) The Council shall consist of the following members:

Members of
the Council.

- (a) a President;
- (b) the State Secretary or his authorised representative;
- (c) the State Attorney-General or his authorised representative;
- (d) the Permanent Secretary of the Ministry of Local Government and Housing or his authorised representative;
- (e) the Secretary; and
- (f) not more than six other members who shall have special knowledge of the customary laws and *adat* of the natives of Sabah.

(2) Members of the Council referred to in subsection (1) except the *ex-officio* members referred to in paragraphs (b), (c), (d) and (e) shall be appointed by the Yang di-Pertua Negeri for a period of two years and may be reappointed.

(3) Where any casual vacancy of the Council arises, the Yang di-Pertua Negeri may appoint a member to fill the vacancy.

(4) The appointment of any member of the Council other than the *ex-officio* members may be revoked by the Yang di-Pertua Negeri at any time without giving him the opportunity of being heard.

(5) The appointment of any member of the Council shall cease —

- (a) upon his death; or

- (b) if he resigns by notice in writing addressed to the Yang di-Pertua Negeri; or
- (c) if he has been adjudged a bankrupt; or
- (d) if he has been absent from three consecutive meetings of the Council without leave of the President and the Council has passed a resolution declaring his membership vacant.

(6) The President and other members of the Council may be paid such allowance from the Fund and enjoy such benefits and privileges as may be determined by the Council with the approval of the Cabinet.

Meetings of
the Council.

7. (1) The Council shall meet at least once in every three months or more often as is considered necessary.

(2) At least fourteen days' notice in writing shall be given to members.

(3) At least half of the total number of members of the Council present and entitled to vote at such meeting shall constitute a quorum.

(4) Subject to section 8(2), every member of the Council present shall be entitled to one vote.

(5) The President shall chair all the meetings of the Council. In the absence of the President, the members present shall elect one of their number to be Chairman of that meeting.

(6) Decisions of the Council shall be taken by the votes of the majority of the members present and voting thereon and, in the event of an equality of votes, the Chairman of the meeting shall be entitled to a second or casting vote.

Appoint-
ment of
Secretary.

8. (1) The Council with the approval of the Minister may appoint a suitably qualified person who is a native to be the Secretary of the Council on such terms and conditions (including remuneration) as may be determined by the State Government.

(2) The Secretary shall be an *ex-officio* member of the Council and shall act as its secretary at all its meetings but shall not vote at such meetings.

9. (1) The Secretary shall be responsible for the day-to-day administration and management of the affairs of the Council and to perform such duties and exercise such powers as may be entrusted or delegated by the Council.

Administra-
tion of the
Council.

(2) The Council may with the approval of the State Government appoint such other officers and servants as it may consider necessary for the efficient conduct of the affairs of the Council.

(3) The Secretary, other officers and servants of the Council shall be responsible to the Council.

(4) The officers and servants of the Council shall hold office for such period, or periods, receive such salaries and allowances, enjoy such privileges, be entitled to such benefits and subject to such conditions of service as may be determined by the Council with the approval of the State Government.

10. (1) The Council may, for any general or special purpose, appoint such committees as it thinks desirable.

Power to
appoint
committees.

(2) A committee may consist of such number of persons as may be determined by the Council and may consist of persons who are not members of the Council.

(3) A committee may invite to any of its meetings any person who in its opinion can contribute to its deliberations but such person shall have no right to vote at the meeting.

(4) The quorum for the meeting of a committee shall be not less than half the number of its membership and decision shall be taken by the votes of a majority of the members present and voting thereon and in the event of an equality of votes, the person chairing the meeting shall have a second or casting vote.

(5) The Council may make rules to regulate the procedure of committees.

11. (1) For the purpose of this Enactment, there is hereby established a Central Fund to be administered and controlled by the Council—

Central
Fund.

(a) into which shall be paid—

- (i) such sums as may be provided from time to time by the Legislative Assembly;
- (ii) such grants as may be received from the State or Federal Government;
- (iii) all monies earned by the operation of any project, scheme or enterprise financed from the Fund;
- (iv) such sums as may from time to time be borrowed by the Council upon terms and conditions approved by Minister of Finance for the purpose of meeting any of its obligations or discharging any of its duties;
- (v) all monies earned or arising from any property, investment, mortgage, charge or debenture acquired by or vested in the Council; and
- (vi) all gifts, contributions, donations and bequests from individuals, companies, foundations and other sources;

(b) out of which shall be defrayed—

- (i) funds towards the promotion of the objects and general purposes of the Council;
- (ii) all expenditures incurred by the Council in carrying out its functions; and
- (iii) monies for the repayment of any loan made to the Council pursuant to its power to borrow.

(2) No portion of the Fund shall be paid or transferred directly or indirectly by way of dividend, bonus or otherwise howsoever by way of profit to any person.

Borrowing
powers.

12. The Council may, upon the conditions approved by the Minister of Finance, borrow such sums as it may require for carrying out any of its functions under this Enactment.

Estimate of
expenditure.

13. (1) The Council shall before the commencement of each financial year cause to be prepared and adopted the estimate of expenditure for the ensuing financial year and it shall be paid from the Fund.

(2) All moneys of the Fund shall be deposited with a bank approved by the Council.

(3) All cheques drawn on the account of the Fund shall be signed by such member or members of the Council and such other officer or officers as may be approved by the Council.

(4) The financial year of the Council shall be from the 1st January to the 31st December.

14. (1) The Council shall keep proper accounts and other records in respect of its operations and shall prepare statement of accounts in respect of each financial year. Account and audit.

(2) The accounts of the Council shall be audited annually by the Auditor-General or his authorised representatives.

(3) The accounts of the Council shall be audited within seven months of the end of each financial year and within such period the Council shall cause a copy of the statement of accounts in such manner as the Minister may require to be transmitted to him together with a copy of any observation made by the Auditor-General or his authorised representatives.

15. The Council shall, not later than the 30th day of June of each year, cause to be made and transmitted to the Minister a report dealing with the activities of the Council during the preceding year and containing information relating to the proceedings and policy of the Council. Annual report.

16. (1) Except for the purpose of this Enactment or of any criminal proceedings, no member of the Council, and any committee thereof, and no officer or servant of the Council shall disclose any information with respect to any individual business, which has been obtained by him in the course of his duties and which is not published in pursuance of this Enactment. Secrecy and penalty.

(2) Any member knowingly contravening the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Penal Code. **17.** All members of the Council and any committee thereof and any officer or servant of the Council shall be deemed to be a public servant within the meaning of the Penal Code.

Act 574.

Council to determine procedure. **18.** Subject to the provisions of this Enactment, the Council may determine its own procedure.

Vacancy not to invalidate acts etc. **19. (1)** No act or proceeding of the Council or any committee thereof shall be questioned on account of any vacancy among the members, any defect in their appointment or in their qualification.

(2) Until the contrary is proved, every meeting of the Council, or any committee thereof shall be deemed to have been duly convened and held and all members present thereat shall be deemed to be duly appointed and qualified to be appointed.

Disclosure of interest. **20.** If a member of the Council, or of any committee thereof is directly or indirectly interested in any contract, proposed contract, or other matter and is present at a meeting of the Council or of any committee thereof, at which the contract or other matter is the subject of consideration, such member shall, at the meeting or as soon as practicable after the commencement thereof, disclose the fact, and shall not thereafter be present during the consideration or discussion of and shall not vote on any question with respect to that contract or other matter.

Execution of documents. **21.** All deeds, documents or other instruments requiring the seal of the Council shall be sealed in the presence of and authenticated by the President and the Secretary or such other person as the Council may from time to time appoint and such authentication shall be sufficient evidence that the said seal was duly and properly affixed and that the same is the lawful seal of the Council.

Transfer of property, liabilities, etc. **22.** Upon the coming into operation of this Enactment—

(a) all the assets and movable and immovable property of every description and all the powers, rights and privileges in connection therewith or appertaining thereto which immediately before the date of the coming into operation of this Enactment were vested in the Unit shall forthwith vest in the Council;

- (b) all liabilities and obligations of the Unit which may have existed immediately prior to the date of the coming into operation of this Enactment shall be transferred to and vest in the Council; and
- (c) every officer of the Unit shall be transferred to hold a corresponding appointment in the Council, subject to any provision that may subsequently be made.

23. The Minister may make rules generally for carrying out the provisions of this Enactment. Rules.

24. The Statutory Bodies (Supplementary Provisions) Enactment 1997 shall bind the Council. Binding
effect of
Statutory
Bodies
(Supplemen-
tary
Provisions)
Enactment
1997.
Enactment
No.9 of
1997.

CERTIFIED by me to be a true copy of the Bill passed by the
Legislative Assembly on Tuesday the 17th day of November, 1998.

DATUK FRANCIS T.N. YAP,
Deputy Speaker,
State Legislative Assembly.